

25 MAY 1999

TONGKAH-PERUBAHAN

TONGKAH DIJANGKA MULA PULIH TAHUN 2000

KUALA LUMPUR, 25 Mei (Bernama) -- Tongkah Holdings Bhd menjangka untuk mula pulih dari segi prestasinya bagi tahun berakhir 30 Jun 2000, kata pengerusi eksekutifnya Mokhzani Mahathir.

Peningkatan prestasi ini terutamanya akan didorong oleh bahagian pembuatannya, katanya pada satu sidang akhbar selepas mesyuarat agung luarbiasa Tongkah di sini hari ini.

Dalam tahun kewangan sebelumnya yang berakhir pada 30 Jun 1998 keuntungan sebelum cukai Tongkah susut dengan ketaranya kepada RM549,000 daripada RM100.272 juta.

Selepas itu, Tongkah mengalami kerugian sebelum cukai sebanyak RM95.352 juta bagi enam bulan berakhir 31 Dis 1998.

Mokhzani berkata operasi pembuatannya dijangka menyumbang kira-kira RM200 juta setahun atau 50 peratus kepada perolehan kumpulan.

Menurut beliau, pesanan kontrak daripada pelanggan-pelanggan korporat yang besar seperti Texas Instruments dan Sony Corporation bagi plastik dan komponen elektronik Tongkah, telah meningkat dengan ketara sejak ekonomi mulai pulih.

Kebanyakan pesanan diterima dalam suku kedua tahun ini bagi penghantaran dalam suku ketiga dan keempat, katanya, sambil menambah bahawa peningkatan permintaan yang mendadak ini mungkin juga disebabkan oleh saingan yang semakin berkurangan dalam 18 bulan yang perit sebelum ini.

Mengenai perkhidmatan penjagaan kesihatan Tongkah di bawah Hospital Pantai Holdings Bhd, beliau berkata ia merupakan pelaburan jangka panjang yang baik tetapi mengakui bahawa waktunya tidak tepat.

Tongkah terpaksa menerima gearan yang tinggi untuk membiayai pembelian saham Hospital Pantai Holdings, yang dahulunya dikenali sebagai Hospital Pantai Bhd, apabila kegawatan ekonomi melanda.

Tetapi beliau yakin bahawa dalam jangka panjang, pelaburan-pelaburan Tongkah dalam perkhidmatan penjagaan kesihatan akan membuahkan hasil kerana permintaan bagi perkhidmatan penjagaan kesihatan yang lebih baik semakin meningkat, memandangkan taraf kehidupan yang lebih baik di kalangan rakyat Malaysia.

Di bawah operasi kewangan kumpulan ini, kata Mokhzani, Tongkah sedang mempertimbangkan untuk menggabungkan firma broker saham milik 75 peratusnya, Kestrel Securities Sdn Bhd, dengan MGI Securities Sdn Bhd.

Mokhzani berkata penggabungan ini akan lebih bermanfaat kerana lokasi syarikat ini yang berbeza-beza akan membolehkan Tongkah memperbesarkan asas pelanggan dan agihan pasarannya dalam perniagaan broker saham dan mengambil kesempatan daripada arah aliran meningkat Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

Kestrel Securities terletak di Muar, Johor manakala MGI Securities beroperasi di Kuala Lumpur.

Bagaimanapun, penggabungan tersebut masih dalam perancangan kerana MGI Securities masih belum menyelesaikan masalah dalamannya.

Menyentuh tentang rancangan penyusunan semula hutang Tongkah, Mokhzani berkata pemegang-pemegang saham dan bon syarikat itu tidak dapat meluluskan resolusi yang dicadangkan kerana korum mesyuarat hari ini tidak mencukupi.

Di bawah skim ini, Tongkah bercadang untuk menyusun semula hutang berjumlah RM530 juta, yang memerlukan terbitan Stok Pinjaman Tidak Bercagar Boleh Tukar Tidak Boleh Tebus 1999/2004 bernilai RM162 juta dan Bon Bercagar Boleh Tukar Boleh Tebus 1999/2004 bernilai RM463 juta dengan waran boleh cerai.

Juga dicadangkan ialah tawaran untuk jualan hak agihan hingga 191 waran kepada pemegang saham Tongkah yang berhak atas dasar enam saham bagi setiap lima saham Tongkah yang dipegang.

Modal saham dibenarkan Tongkah akan juga ditambah kepada RM1.0 bilion daripada RM500 juta sekarang.

Kumpulan Tongkah menceburi bidang pembuatan plastik dan komponen elektronik, pembangunan harta, pembinaan, perkhidmatan penjagaan kesihatan, teknologi maklumat dan pembrokeran saham. -- BERNAMA

MFZ KY JR